

BAB KEDUA.

IBADAH DOA DAN ZIKIR

KAIFIAT DAN KEMAKBULANNYA

## 1. Pengertian Ibadah.

Setelur diuraikan dengan lebih lanjut tentang erti doa dan zikir, terlebih dahulu diuraikan erti ibadah, sebagaimana yang dikehendaki oleh syariat Islam. Masyarakat Islam seluruhnya dapat memberikan pengertian ibadah mengikut kefahaman mereka masing-masing, namun tidak ramai yang benar-benar memahami dan mengerti apa yang dikehendaki oleh ibadah. Penulis akan membentangkan beberapa pengertian ibadah, yang telah dibuat oleh para ilmuwan dan cendikiawan Islam. Untara pengertian tersebut ialah :-

1. Sayyid Sabiq mengatakan bahawa ibadah itu ialah taat dan tunduk kepada Allah s.w.t. serta melakukan apa yang disyariakan oleh-Nya.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Sayyid Sabiq, Islamuna, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, Lubnan, hal.113.

2. Doktor Muhammad Yusuf al-Qardawi pula menjelaskan ibadah itu sebagai taat, tunduk dan hina diri kepada Allah s.w.t. semata-mata.<sup>2</sup>

3. Ibadah dalam Islam juga melambangkan "khudu<sup>c</sup>" atau ketundukan seseorang sepenuhnya kepada Allah s.w.t. serta ketaatannya yang mutlak terhadap-Nya.<sup>3</sup>

4. Ibadah juga dikatakan sebagai tali penghubung , antara seorang hamba dengan TuhanYa dan juga bukti pengakuannya sebagai seorang hamba Allah s.w.t.. Ia adalah hak Allah s.w.t. ke atas hamba-Nya.<sup>4</sup>

<sup>2</sup> Muhammad Yusuf al-Qardawi(Dr.), Ibādah fi al-Islām, Muassasah al-Risalah, Beirut, Lubnan, Cetakan Kelima, 1977, hal.27

<sup>3</sup> Abu Urwah, Risalah Usrah-Jilid I, Pustaka Salam, Kuala Lumpur , Cetakan Pertama, 1988, hal.45; Muhammad Yusuf al-Qardawi, Ibadah dalam Islam, hal.19

<sup>4</sup> Abdul Karim Zaidan(Dr.), Dasar-dasar Ilmu Dakwah-Jilid I, Pustaka al-Ameen, Kuala Lumpur, 1984, hal.51

5. Ibadah adalah penyembahan yang dilakukan dengan jalan tunduk dan merendahkan diri serendah-rendahnya, yang dilakukan dengan hati yang ikhlas dari seorang hamba terhadap TuhanYa, menurut cara-cara yang telah ditentukan oleh agama.<sup>5</sup>

6. Mengikut Al-Maududi pula, ibadah adalah ketaatan, kepatuhan dan penyerahan diri kepada qudrat dan iradat Allah s.w.t., samada dari segi maknawi dan hakiki atau dalam erti kata yang lain bahawa ia adalah sebarang tindakan manusia untuk mentaati perintah Allah s.w.t..<sup>6</sup>

7. Ibnu Taimiyyah di dalam bukunya "Al-'Ubudiyyah" menjelaskan bahawa asal makna ibadah itu ialah kehinaan, tetapi ibadah yang disyari'atkan oleh Allah s.w.t. ke atas umat-Nya ialah merangkumi makna kehinaan dan kecintaan bersama, iaitu kemuncak kehinaan

<sup>5</sup> Idris Ahmad S.H., Fiqh Menurut Mazhab Syafi'i, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, Cetakan Pertama, 1982, hal.3

<sup>6</sup> Mustafa bin Haji Daud, Beberapa Aspek Pemikiran Maududi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cetakan Pertama, 1988, hal.64

diri seseorang hamba, apabila berhadapan dengan Allah s.w.t., di samping kemuncak kecintaan terhadap-Nya.<sup>7</sup>

Dari beberapa pengertian yang telah diberikan, dapatlah dibuat satu kesimpulan, bahwa ibadah itu merangkumi segala bentuk perlakuan yang dilakukan dengan maksud untuk Allah s.w.t. semata-mata, samada apa yang telah diwajibkan oleh-Nya, ataupun apa yang disunnatkan supaya hamba-hamba-Nya melakukan. Apa yang jelas, selama mana perlakuan yang dibuat itu tidak melanggar syariat dan ianya adalah untuk mencapai keredhaan Allah s.w.t.; maka itu adalah ibadah.

Dalam konteks kertas projek ini, penulis ingin menegaskan bahawa amalan doa dan zikir adalah rangkaian dua bentuk ibadah yang penting dan utama, kerana ianya melambangkan seorang hamba yang melakukannya, sentiasa mengingati dan mendampingi Allah s.w.t..

Doa dan zikir, dua amalan besar dan penting dalam syariat Islam, tidak kurang pentingnya dengan masalah-masalah hukum, politik,

<sup>7</sup> Abu Urwah, op.cit.

26

sosial dan ekonomi. Ia adalah senjata orang mukmin, yang dapat memecahkan berbagai persoalan hidup, yang tidak dapat dihuraikan oleh fikiran dan tenaga, mahupun harta. Oleh itu, adalah perlu untuk ditelitian dengan sebaik mungkin kepentingan-kepentingannya agar umat muslimin tidak mengabaikannya dalam kehidupan yang fana ini.

## 2. Pengertian Doa

Para ulama dan pakar mengemukakan berbagai erti bagi ibadah doa dan zikir, berdasarkan pengertian al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w.. Di sini, penulis mengumpulkan beberapa definisi yang dikemukakan oleh mereka, antaranya :-

1. Doa bererti seru, panggil ataupun minta.<sup>8</sup>

2. Doa adalah pertanyaan, dari seorang hamba kepada Allah

s.w.t..<sup>9</sup>

---

<sup>8</sup> Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, Kamus Idris al-Marbawi Jilid I, Cetakan Keempat, t.t., hal.203

<sup>9</sup> Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, Mu'jam alfāz al-Qurān al-Karīm Jilid I, Penerbit al-Hai'ah al-Misriyah al-'Amah Li al-Ta'lif wa al-Nasyr, 1970, hal.414

3. Doa ertinya memohon pertolongan dari Allah s.w.t..<sup>10</sup>

4. Doa bererti meminta sesuatu atau meminta pertolongan.<sup>11</sup>

5. Doa adalah satu ibadah yang menzahirkan kehajatan seseorang hamba kepada Allah s.w.t..<sup>12</sup>

6. Doa adalah permintaan dari pihak bawahan, kepada pihak atasan, dengan menyatakan rendah diri dan kehinaan.<sup>13</sup>

7. Doa itu ialah melahirkan kehinaan dan kerendahan diri

---

<sup>10</sup> Jalāluddin al-Suyūtī, Fad̄ al-Wighā' fi Ahādīth raf'i al-Yadaini fi al-Du'a, Maktabah al-Manar, Cetakan Pertama, 1985, hal.23

<sup>11</sup> Fu'ad Afrām al-Bustānī , Munjid al-Tulāb, Dar al-Masyric, Beirut, Lubnān, Cetakan ke 33, 1986, hal.200

<sup>12</sup> Al-Nawāwī, Al-Adhkār, Muassassah al-Ḥalabī wa Sharakāhu Li al-Nasyr Wa al-Tauzi , Qāhirah, t.t., hal.175

<sup>13</sup> Abi al- Aliyy Muhammad Abd al-Rahman bin Abd al-Rahim al-Mubārekafuriyy, Tuhfat al-Ahwadhi Juz 9, Matba ah el-Iṣṭimād, t.t. hal.

serta menyatakan kehajatan dan ketundukan kepada Allah s.w.t... 14

8. Doa adalah seruan, permohonan ataupun permintaan , yang senata-mata ditujukan kepada Allah s.w.t., di dalam berbagai hajat dan keperluan.<sup>15</sup>

9. Doa itu ertinya memohon dengan rasa rendah diri kepada Allah s.w.t. dengan permohonan yang mengharapkan kebaikan yang ada di sisi Allah s.w.t., memohon supaya apa yang diminta itu,diperkenankan dan cita-cita termakbul.<sup>16</sup>

10. Doa adalah salah satu <sup>c</sup>ibadah utama, dan sebaik-baik cara untuk mendekatkan diri dengan Allah s.w.t., dengan tujuan untuk

---

<sup>14</sup> T.M Hasbi Ash Shiddieqy, Pedoman Doa dan Zikir, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, Indonesia, Cetakan Kedua, 1964, hal.76.

<sup>15</sup> H.Hanzah Yaaqub, Tingkat Ketenangan dan Kebahagiaan Mukmin, Pustaka Nasional, Singapura, Cetakan Pertama, 1980, hal.303

<sup>16</sup> Muhammad Sa' id al-Tantawi, Al-Du'a', Al-Zahra Li a'lām al-Arabiyy, Cetakan Keempat, 1985, hal.13

menyatakan atau menzahirkan "Cubudiyyah" kepada Allah s.w.t. dan keperluan terhadap-Nya.<sup>17</sup>

11. Doa merupakan salah satu bentuk usaha manusia untuk menuhi keinginan dirinya, yang dilakukan dengan cara memohon langsung kepada Allah s.w.t.. Bagi orang mukmin, doa merupakan senjata yang ampuh dan digolongkan sebagai amal ibadah kepada Allah s.w.t..<sup>18</sup>

12. Doa itu ialah menumpukan hati kepada Allah s.w.t. dan menyeru-Nya dengan kata-kata yang dihadapkan kepada-Nya, beserta dengan permohonan kepada-Nya, dengan harapan ianya akan dimakbulkan.<sup>19</sup>

13. Doa adalah semua yang mensucikan dan memuji-muji Allah s.w.t. atau meminta dari Allah s.w.t., melalui pemberian dan juga

<sup>17</sup> Abu Da'if al-Madani, Qul Ya Rabb, Dār al-Syurūq, Qāhirah, Cetakan Pertama, 1981, hal.12

<sup>18</sup> Abu Madya Salimin, Himpunan Doa, Zikir dan Ratap-tangis Orang Saleh, Penerbit Al-Ikhlas, Surabaya, Indonesia, Cetakan Pertama, 1984, hal.9

<sup>19</sup> Muhammad Al-Mubarak, Sistem Islam - Aqidah dan Ibadah, Terjemahan oleh Ismail bin Mohd.Hassan, Yayasan Islam Terengganu, Kuala Terengganu, Cetakan Keempat, 1985, hal.13

fadhilat-Nya, meminta dari-Nya apa yang kita hajati dan inginini.<sup>20</sup>

14. Doa ialah mengemukakan rasa hati kepada Tunan, baik berupa syukur, pengaduan keluh-kesah ataupun berupa permohonan sesuatu atau apa sahaja, asalkan bukan berupa kejahatan.<sup>21</sup>

15. Doa adalah menyeru kepada Allah s.w.t. tentang apa yang dikehendaki, dari perkara-perkara kebaikan dan mengelakkan diri dari mudharat atau bala.<sup>22</sup>

Demikianlah beberapa petikan yang dapat penulis kumpulkan tentang takrifan atau pengertian doa, yang merupakan satu ibadah utama dalam agama Islam. Dari pengertian-pengertian yang berkenaan, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa doa adalah salah satu bentuk ibadah yang penting untuk diamalkan, di mana seorang hamba ber-

<sup>20</sup> Abu Da'if al-Madani, loc.cit.

<sup>21</sup> Mustafa Zuhri(Dr.), Kunci Memahami Ilmu Tasawwuf, Penerbit P.T Bina Ilmu, Surabaya, Indonesia, Cetakan 1979, hal.107

<sup>22</sup> Jalaludin al-Suyuti, loc.cit.

peluang untuk berhubung secara terus dengan Allah s.w.t., tanpa sebarang perantaraan. Ini merupakan satu peluang yang berharga untuk mendekatkan diri seorang hamba dengan Tuhan Yang Maha Esa. Seorang muslim yang berdoa, dapat meluahkan apa sahaja yang terpendam di hatinya, sebagai permohonan kepada Allah s.w.t., dengan harapan akan dimakbulkan.

Walau bagaimanapun, segala pengertian yang dibuat, tidak melewati apa yang telah disebutkan oleh Allah s.w.t. melalui firman-Nya dan juga seperti mana yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. melalui sunnahnya. Terlalu banyak ayat-ayat yang menyebutkan tentang ibadah doa ini, antaranya ialah :

وَلَا تَدْعُ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَفْعَلُ

23  
وَلَا يَصُرُّكَ إِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا أَتَيْتَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: "Dan janganlah kamu berdoa kepada selain daripada Allah, yang tidak memberi faedah kepada kamu dan tidak juga memudharatkan kamu. Jika kamu lakukan juga, sesungguhnya kamu dari golongan yang zalim."

Melalui ayat tersebut, dapat dilihat bahawa manusia hanya disuruh atau diseru supaya berdoa kepada Allah s.w.t., kerana Dia lah

sahaja yang dapat melakukan sebarang tindakan yang dikehendaki-Nya , tanpa dihalang oleh sesiapa. Firman-Nya :-

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَذْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

24

إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عَبَادَتِي سَيْدِ الْحُلُونَ جَهَنَّمُ دَاهِرٌ

Maksudnya: "Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah kepada-Ku, nescaya akan Kuperkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku (berdoa kepada-Ku) akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina dina."

Firman-Nya lagi :-

25

قُلْ اذْعُو اللَّهَ أَوْ اذْعُو الرَّحْمَنَ أَيَّا مَا لَدَهُ عَوْافَلَهُ أَلْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى

Maksudnya: "Katakanlah: "Serulah Allah atau serulah Al-Rahman. Dengan mana-mana nama sahaja, Dia yang mempunyai Asma' al-Husna ..."

<sup>24</sup> Surah Mukmin, ayat 60

<sup>25</sup> Surah al-Isra', ayat 110

Firman Allah s.w.t. lagi :

26

أَذْغُوا رَبِّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُغْتَدِينَ ٢٦

Maksudnya: "Berdoalah kepada Tuhanmu dengan merendah diri dan suara yang lembut . Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas."

Firman-Nya lagi :

27

وَلَكَوْ أَلْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى فَإِذْ غَوَّهُهَا

وَذُرُّوا الَّذِينَ يَلْجُوذُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيَجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Allah mempunyai Asma' al-Husna, maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut Asma' al-Husna itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam menyebut nama-nama-Nya. Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan."

Dari beberapa ayat al-Quran yang telah penulis berikan itu,

<sup>26</sup> Surah al-A'raf, ayat 55

<sup>27</sup> Surah al-A'raf, ayat 180

bertambah jelaslah bahawa ibadah itu amat penting dalam kehidupan muslim, sebagai satu cara untuk mereka mendekatkan diri dan mengadu kepada Allah s.w.t., tentang segala sesuatu yang dihajati atau apa sahaja yang ingin diluahkan kepada Allah s.w.t..

Sepertimana yang telah penulis jelaskan pada permulaan kertas projek ini, bahawa doa dan zikir adalah dua bentuk ibadah yang memberikan hasil yang murni untuk kebahagiaan muslimin yang mengamalkannya. Ibadah ini juga telah seringkali disebutkan oleh Rasulullah s.a.w., antaranya:-

28

الدُّعَاءُ مُنْخُ الْعِبَادَةِ

Maksudnya: "Doa itu adalah inti segala ibadah."

29

سأوا الله من فضليه، فإن الله عز وجل يحب أن يسأل

Maksudnya: "Mintalah dari Allah, sesungguhnya Allah suka diminta."

<sup>28</sup> Abi <sup>c</sup> Isa Muhammad bin <sup>c</sup> Isa bin Surah al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi-Juz 5, al-Maktabah al-Salafiah, Madinah, 1967, hal. 125

<sup>29</sup> Abi <sup>c</sup> Isa Muhammad bin <sup>c</sup> Isa bin Surah al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi-Juz 5, Maktabah wa Matba ah Muṣṭafá al-Babí wa Auladuhu, Mesir, Cetakan ke2, 1975, hal. 565

30

إِنَّمَا مَنْ لَمْ يَسْأَلْ اللَّهَ يُنْفَضِّبُ عَنْهُ

Maksudnya: "Sesungguhnya sesiapa yang tidak meminta dari Allah s.w.t. (berdoa kepada-Nya), dia akan dimarahi oleh Allah s.w.t.."

31

لَئِنْ شَاءَ أَكْرَمَ عَلَى الْمُرِئِينَ الدُّعَاءَ

Maksudnya: "Tiada yang lebih mulia di sisi Allah s.w.t., melainkan doa."

لَا تُحِبِّنُوا فِي الدُّعَاءِ فَإِنَّهُ  
لَنْ يَهْلِكَ مَعَ الدُّعَاءِ أَحَدٌ.

Maksudnya: "Janganlah kamu lemah (berputus-asa) untuk berdoa, kerana tiada seorang pun yang musnah di samping doa."

<sup>30</sup> op.cit., hal.126

<sup>31</sup> ibid., hal.125

<sup>32</sup> Jalaluddin al-Suyuti, loc.cit.

Kesimpulannya, Rasulullah s.a.w. juga telah mengajar dan menyeru umatnya supaya mengemukakan sebarang doa mereka kepada Allah s.w.t., untuk mencapai keredhaan dan rahmat dari Allah s.w.t. Dari hadith-hadith yang dipaparkan itu, dapatlah difahami bahawa ibadah doa sangat dituntut oleh agama Islam.

### 3. Pengertian Zikir

Seperti juga ibadah doa, zikir juga telah diberikan berbagai-bagai pengertian, berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. dan juga kepada hadith Rasulullah s.a.w.. Antara pengertian-pengertian yang dibuat ialah :-

1. Menurut kamus Idris al-Marbawi, zikir adalah mengucap tasbih untuk Allah s.w.t. atau memuji-muji Tuhan dengan apa sahaja lafaz yang berbentuk pujian.<sup>33</sup>

<sup>33</sup> Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, loc.cit.hal.218

2. Zikir adalah mengingati sesuatu, melalui lidah atau lisan dan juga hati, dan ingatan itu adalah hanya berbentuk pujian atau kebaikan sahaja.<sup>34</sup>

3. Zikir ertiinya merasakan kebesaran serta keagungan Allah s.w.t. di setiap keadaan, samada perasaan ini pada pemikiran, hati atau lidah dan perbuatan.<sup>35</sup>

4. Zikir adalah mengingati Allah s.w.t. di dalam hati dan menyebut nama-Nya pada lisan, berdasarkan perintah Allah s.w.t. di dalam al-Quran dan al-Hadith.<sup>36</sup>

<sup>34</sup> Mahyuddin Muhammad bin Ya<sup>c</sup>qub al-Fairuzābādi, al-Qāmūs al-Muhib-Jilid 2, Muassassah al-Halabi wa Sharakāhu li al-Nasyr wa al-Tauzi , Qāhirah, t.t., hal.35

<sup>35</sup> Abdullah Nasih Ulwan, Menuju Ketakwaan, Terj: Mohd. Kamal Mah-yuddin bin Harun, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, Cetakan Pertama, 1988, hal.108

<sup>36</sup> H.Hamzah Yaakub, loc.cit., hal.291

5. Zikir secara ringkasnya ialah mengingati sesuatu atau juga melalui dialog, contohnya sambahyang dan ibadah-ibadah lain, yang disyari'atkan oleh agama Islam.<sup>37</sup>

6. Zikir juga diertikan sebagai mengingati Allah s.w.t., dan menyebut-Nya, termasuk juga mengerjakan segala bentuk ketastan.. kepada-Nya.<sup>38</sup>

7. Zikir ialah menyebut Allah s.w.t. dengan membaca tasbih , tahmid, taqdis, takbir dan basmalah, juga membaca al-Quran dan membaca doa-doa yang diterima dari nabi Muhammad s.a.w..<sup>39</sup>

8. Zikir itu adalah apa yang disebut di mulut dan juga mengingati di dalam hati, iaitu menuji Allah s.w.t. dengan segala sifat-

<sup>37</sup> Afzalur Rahman, Prayers-It's Significance and Benefits, The Muslim Schools Trust, London, Cetakan Pertama, 1979, hal.213

<sup>38</sup> T.M Hashbi Ash Shiddiqy, loc.cit., hal.15

<sup>39</sup> ibid.

sifat-Nya Yang Maha Agung, serta sifat-sifat keindahan dan kesempurnaan yang ada pada Allah s.w.t..<sup>40</sup>

9. Zikir juga boleh dinisbahkan kepada tekun melakukan amalan yang telah diwajibkan atau yang harus dilakukan, seperti tilawah al-Quran, membaca hadith-hadith yang "ma'thur", sembahyang sunat dan setagainya.<sup>41</sup>

10. Zikir adalah lafaz-lafaz yang disukai di dalam kata-kata, disebut secara berulang-ulang, seperti lafaz Alhamdulillah, Subhanallah, La Ilaha illallah dan lain-lain lagi.<sup>42</sup>

Apa yang dapat disimpulkan dari beberapa pengertian berkenaan bahawa zikir adalah satu ibadah yang patut diamalkan dalam kehidupan muslimin seluruhnya. Pengamalannya tidak memberatkan umat Islam kerana apa yang perlu dilakukan hanyalah mengingati Allah s.w.t. dan segala kesempurnaan yang ada pada-Nya dan yang dilakukan-Nya. Ibadah

---

<sup>40</sup> Sayyid Sabiq, Fiqh Sunnah - Jilid I, Dar al-Kitab al-'Arabiyy, Beirut, Lubnan, Cetakan Kedua, 1973, hal. 489

<sup>41</sup> T.M Hashbi Ash Shiddieqy, loc.cit.

<sup>42</sup> ibid.

zikir ini juga boleh mengelakkan orang yang mengamalkannya dari memikirkan hal-hal yang tidak perlu dan tidak sepatutnya. Semoga ibadah zikir ini juga dapat mengelakkan umat Islam daripada maksiat dan melakukan dosa.

Zikir juga merupakan ibadah yang penting, di mana Allah s.w.t. seringkali menyebutnya di dalam firman-Nya; begitu juga dengan Rasulullah s.a.w., sentiasa mengingatkan umat Islam tentang ibadah ini:-

43

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاسْكُرْوَالِي وَلَا تَكُنْ كُفُورُونِ<sup>٤٣</sup>

Maksudnya: "Maka berzikirlah (ingatlah) kamu kepada-Ku, nescaya Aku akan mengingati kamu sekalian dan bersyukurlah kepada-Ku dan janganlah mengkufurkan Aku."

وَأَذْكُرْرَبَكَ فِي تَقْسِيمَتْ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً

44

وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدْقَ وَالْأَصَالِ وَلَا يَكُنْ قَوْنَ الْغَافِلِينَ

Maksudnya: "Berzikirlah kepada Tuhanmu di dalam hatimu dengan penuh perasaan dan bukan dengan suara yang keras, di waktu pagi dan petang, dan janganlah kamu sampai dianggap orang yang lalai."

43

Surah al-Baqarah, ayat 152.

44

Surah al-A'raf, ayat 205

Firman-Nya lagi :-

45

الَّذِنَاءَمْسَنُوا وَتَطَهَّرُ فَلَوْمُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا يَذْكُرُ اللَّهُ تَطَهَّرُ الْقُلُوبُ

Maksudnya: "Orang-orang yang beriman itu, hati mereka menjadi tenang kerana berzikir kepada Tuhan. Ingatlah bahawa dengan berzikir kepada Tuhan itu, hati akan menjadi tenteram."

46

وَأَذْكُرْ رَبَّكَ كَثِيرًا وَسَعِّدْ بِالْعَشِيِّ وَالْإِبْكَارِ

Maksudnya: "...Dan sebutlah(nama)Tuhanmu sebanyak-banyaknya serta bertasbihlah pada waktu petang dan pagi hari."

47

وَأَذْكُرْ وَاللَّهُ فِي أَيَّامٍ قَعْدَ وَأَيَّامٍ

Maksudnya: "Dan berzikirlah(dengan menyebut) Allah dalam beberapa hari yang berbilang..."

Selain dari itu, banyak juga hadith Rasulullah s.a.w. , yang

---

45 Surah al-Rā'ūdah, ayat 28

46 Surah Āli Imrān, ayat 41

47 Surah al-Baqarah, ayat 203

menyebutkan tentang keutamaan zikir, di antaranya ialah sabda Rasulullah s.a.w. :-

48.

مَا عَمِلَ ابْنُ آدَمَ مِنْ عَمَلٍ أَنْجَى لَهُ مِنْ عَذَابِ اللَّهِ، مِنْ ذِكْرِ اللَّهِ

Maksudnya: "Tiada satu amalan yang dilakukan oleh anak Adam yang boleh menyelamatkannya dari siksaan Allah, melainkan berzikir kepada Allah s.w.t.."

Sabda Rasulullah s.a.w. juga :-

49.

مَثْلُ الَّذِي يَذْكُرُ رَبَّهُ وَالَّذِي لَا يَذْكُرُ مَثْلُ الْحَيِّ وَالْمَيِّتِ

Maksudnya: "Perbezaan antara orang yang berzikir kepada Allah dan orang yang tidak berzikir kepada-Nya itu, seperti perbezaan antara orang yang hidup dengan orang yang telah mati."

48.

Imam Malik bin Anas, Al-Muwata'-Jilid I, Turki, Istanbul, 1981,  
hal. 211

49.

al-Bukhari, Sahih al-Bukhari -Juz 7, al-Maktabah al-Islamiyyah,  
Turki, t.t., hal. 168

Sabdanya lagi :-

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ مَثَلُهُ مثَلُهُ عَنْتَهُ وَسَمَّ مُسْلِمٌ أَيُّ الْبِيَادِ

أَنْفَلُ دَرَجَةٍ عِنْدَ اللَّهِ بِوْمَ النِّيَامَةِ؟ قَالَ: الَّذِي كَرُونَ أَفْأَ كَثِيرًا وَالَّذِي كَرِّرَاتُ

Maksudnya: "Bahawa Rasulullah s.a.w.. telah ditanya siapakah orang-orang yang beribadah yang lebih utama darjatnya di sisi Allah pada hari Qiamat kelak. Rasulullah s.a.w. menjawab: "Orang-orang lelaki dan orang-orang perempuan yang banyak berzikir kepada Allah s.w.t.." "

Demikianlah beberapa pengertian zikir, yang menerangkan mak-sud ibadah zikir yang sebenarnya, iaitu berusaha untuk mendekatkan diri dengan Allah s.w.t. dengan mengingati kebesaran dan keagungan-Nya, berbanding dengan manusia kerdil ini.

#### 4. Adab berdoa dan berzikir

Segala perlakuan yang dilakukan dalam doa dan zikir mempunyai

---

50 Abi <sup>c</sup> Isa Muhammad bin <sup>c</sup> Isa bin Surah, loc.cit., hal.458

adab-adab tertentu. Dalam hal ini, Imam al-Ghazali ada menggariskan beberapa adab yang harus dijaga ketika berdoa kepada Allah s.w.t...<sup>51</sup>

Adalah perlu bagi orang yang berdoa untuk menentukan masa yang sesuai untuk berdoa, iaitu masa yang baik dan mulia, seperti pada hari Arafah, pada hari-hari di bulan Ramadhan, pada hari Jumaat, satu pertiga dari waktu malam dan pada waktu sahur.<sup>52</sup>

Selain dari masa, hendaklah ditentukan juga keadaan yang mulia dan baik, seperti ketika sujud dalam sembahyang atau ketika berpuasa dan ketika berada di hadapan Kaabah.<sup>53</sup> Terdapat banyak lagi masa atau keadaan yang dikira masa atau keadaan yang baik untuk menghadapkan doa ke hadhrat Allah s.w.t..

Pada masa berdoa, dikehendaki agar orang yang berdoa itu me-

---

<sup>51</sup> T.M Hasbi Ash Shieddiqy, loc.cit., hal.82

<sup>52</sup> al-Ghazali, Kitab Ihyā' Ullumuddīn - Jilid II, Terj: Prof.TK.H Ismail Yaakub, Victory Agency, Kuala Lumpur, Cetakan Ketiga, 1977, hal. 181; Muhammad Sayyid al-Tantawi, loc.cit., hal.29; Ibnu Abi al-Duniyya, Mujabū al-Dāwah, Maktabah al-Quran, t.t., hal.16

<sup>53</sup> al-Ghazali, loc.cit.

mulakan doanya itu, dengan mengemukakan pujian kepada Allah s.w.t., dengan menyebut nama-nama-Nya, iaitu Asma' al-Husna.<sup>54</sup> Pada masa berdoa itu juga, hendaklah mengangkat kedua-dua belah tangannya, dengan menghadap ke arah kiblat.<sup>55</sup> Selain dari itu, ada juga ulama yang mengatakan, bahawa lebih afodal lagi jika sekiranya doa itu didahului dengan selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w., semoga doa itu akan diterima Tuhan s.w.t..<sup>56</sup>

Suara yang digunakan ketika berdoa itu, bukanlah dengan suara yang terlalu jelas kedengaran ataupun terlalu sukar untuk didengari, bahkan ianya hendaklah sederhana, tidak terlalu keras dan tidak juga terlalu lembut. Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud :"Wahai manusia, sesungguhnya Tuhan Yang kamu seru itu tidak pekak dan tidak jauh dari kamu. Ia adalah di antara kamu dan leher kenderaan kamu."<sup>57</sup>

---

<sup>54</sup> Muhammad Sayyid al-Tantawi, loc.cit.

<sup>55</sup> Muhammad Sayyid al-Tantawi; Jalaluddin al-Suyuti loc.cit.

<sup>56</sup> Ibnu Abi Duniyya, loc.cit., hal.15

<sup>57</sup> al-Ghazali, loc.cit., hal.183

Antara adab berdoa juga ialah, orang yang berdoa itu tidak bersajak ketika mengemukakan permintaannya kepada Allah s.w.t...<sup>58</sup> De-  
ngan kata lain, orang yang berdoa itu tidak digalakkan untuk meleret-  
leret dalam mengemukakan permintaan atau permohonannya ke hadhrat  
Allah s.w.t... Sebaliknya hendaklah menggunakan perkataan atau ayat ya-  
ng mudah dan ringkas, ini adalah kerana kata-kata yang bersajak itu  
hanya akan memberatkan diri orang yang berdoa itu sendiri.

Keyakinan juga merupakan satu adab yang harus dijaga ketika  
memohon kepada Allah s,w,t, Orang yang berdoa hendaklah meyakini de-  
ngan hatinya, bahawa doa atau permohonan yang dikemukakan itu akan  
diterima oleh Allah s,w.t..<sup>59</sup>

Selain dari itu, ketika berdoa juga hendaklah merendahkan di-  
ri, dengan penuh "tawadu"<sup>c</sup> kepada Allah s.w.t.<sup>60</sup> Ini juga telah di-

---

<sup>58</sup> ibid.

<sup>59</sup> ibid., hal.184

<sup>60</sup> Muhammad Sayyid al-Tantawi, loc.cit., hal.35

sebut oleh Allah s.w.t., di dalam firman-Nya yang berbunyi :-

61

أَذْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرِّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

Maksudnya: "Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan tunduk dan merendah diri kepada-Nya. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.."

Termasuk dalam adab-adab berdoa juga, bahawa orang yang berdoa itu, meminta atau membhoni hanya perkara-perkara kebajikan atau kebaikan, bukannya memohon perkara-perkara yang berbentuk maksiat atau kejahanatan.<sup>62</sup> Walau bagaimana pun, terdapat di kalangan manusia, yang mengemukakan doa kepada Tuhan s.w.t. untuk perkara yang tidak baik, seperti meminta keburukan untuk orang lain atau musulnya, kerana perasaan marah yang kuat kepada orang berkenaan. Dalam hal ini, doa itu dianggap melanggar adab yang patut dijaga ketika berdoa.

Ibnu Abi al-Duniyya pula menyarankan bahawa satu lagi adab

---

<sup>61</sup> Surah al-A'raf, ayat 55

<sup>62</sup> Muhammed Sayyid al-Tantawi, loc.cit., hal.41

yang harus dijaga ketika berdoa ialah, orang yang berdoa itu hendaklah bersungguh-sungguh. Bersungguh-sungguh ketika berdoa adalah adab yang dipuji, kerana ia menunjukkan atau menzanirkan ketundukan hati yang sepenuhnya dari seorang hamba kepada Tuhanya; juga menunjukkan bahawa orang yang berdoa itu benar-benar menaruh harapan agar doanya akan dimakbulkan Tuhan s.w.t..<sup>63</sup>

Demikianlah antara beberapa adab berdoa yang telah penulis kumpulkan. Dengan terlaksananya beberapa adab tersebut, mudah-mudahan segala permohonan atau doa yang dikemukakan kepada Allah s.w.t. akan diterima-Nya, kerana apa yang dilakukan adalah berdasarkan adab-adab yang wajar.

Manakala adab-adab yang harus dijaga ketika berzikir tidak jauh bezanya dari adab ketika berdoa, memandangkan kedua-duanya adalah ibadah yang menghendaki seseorang muslim itu berhubung secara terus dengan Allah s.w.t..

Antara adab-adab yang harus dijaga ketika berzikir kepada

---

<sup>63</sup> Ibnu Abi al-Duniyya, loc.cit., hal.11

Allah s.w.t. ialah, menghadirkan diri atau hati, ketika lisan sedang melafazkan kalimah zikir yang berkenaan.<sup>64</sup> Hendaklah dipelihara adab ini dengan sebaik mungkin, kerana orang yang berzikir tidak akan mendapat faedah sekiranya tidak menghadirkan diri ketika berzikir.<sup>65</sup>

Orang yang lalai dari menghadirkan diri ketika berzikir, akan merasa satu penyesalan, berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w.: -

66

وَمَنْ قَدْ مَقْدَأً لِمْ يَذْكُرَ اللَّهَ فِيهِ كَانَ عَلَيْهِ مِنَ اللَّهِ تِرْزُقٌ

Maksudnya: "Barangsiaapa yang duduk di satu tempat sambil tidak mengingati Tuhan ketika itu, dia akan merasakan satu penyesalan."

!

Di antara adab-adab berzikir yang lain adalah sempurna sikap lahir dan batin atau bersih dan suci seseorang itu dari segala mak-siat atau dosa-dosa, yang boleh menyebabkan amalannya itu ditolak oleh Allah s.w.t..<sup>67</sup> Hendaklah khusyuk kepada Allah s.w.t. ketika berzikir, menghadap ke arah kiblat, bertenang dan menundukkan kepala

---

<sup>64</sup> Imam Habib Abdullah Haddad, Nasihat Agama dan Wasiat Iman, Terj: Syed Ahmad Semait, Pustaka Nasional, Singapura, Cetakan Keempat, 1987, hal.220

<sup>65</sup> ibid.

<sup>66</sup> Al-Imam Abi Daud, Sunan Abi Daud-Juz 5, Istanbul, Turki, t.t., hal.181.

<sup>67</sup> Imam Habib Abdullah Haddad, op.cit.

Allah s.w.t. ialah, menghadirkan diri atau hati, ketika lisan sedang melafazkan kalimah zikir yang berkenaan.<sup>64</sup> Hendaklah dipelihara adab ini dengan sebaik mungkin, kerana orang yang berzikir tidak akan mendapat faedah sekiranya tidak menghadirkan diri ketika berzikir.<sup>65</sup>

Orang yang lalai dari menghadirkan diri ketika berzikir, akan merasa satu penyesalan, berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w.:-

66

،مَنْ قَدِ عَدَ مَعْدَلًا لَمْ يَذْكُرْ اللَّهَ فِيهِ كَانَ عَلَيْهِ مِنَ اللَّهِ تِرَةٌ

Maksudnya: "Barangsiapa yang duduk di satu tempat sambil tidak mengingati Tuhan ketika itu, dia akan merasakan satu penyesalan."

Di antara adab-adab berzikir yang lain adalah sempurna sikap

lahir dan batin atau bersih dan suci seseorang itu dari segala mak-siat atau dosa-dosa, yang boleh menyebabkan amalannya itu ditolak oleh Allah s.w.t..<sup>67</sup> Hendaklah khusyuk kepada Allah s.w.t. ketika berzikir, menghadap ke arah kiblat, bertenang dan menundukkan kepala

---

<sup>64</sup> Imam Habib Abdullah Haddad, Nasihat Agama dan Wasiat Iman, Terj: Syed Ahmad Semait, Pustaka Nasional, Singapura, Cetakan Keempat, 1987, hal.220

<sup>65</sup> ibid.

<sup>66</sup> Al-Imam Abi Daud, Sunan Abi Daud-Juz 5, Istanbul, Turki, t.t., hal.181.

<sup>67</sup> Imam Habib Abdullah Haddad, op.cit.

sebagai menunjukkan rasa tawadhu k kepada Allah s.w.t.. Juga dituntut dari orang yang berzikir, sentiasa membiasakan dirinya untuk berzikir atau ingat kepada Allah s.w.t..<sup>68</sup>

Jika ibadah doa memerlukan orang yang melakukannya memilih masa yang sesuai, demikian juga dengan ibadah zikir, yang memerlukan umat Islam menentukan masa yang sesuai untuk mengamalkannya. Dalam hal ini, Allah s.w.t. telah berfirman :-

69

وَسَيَّنْجِنْ يَحْمِدُ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ الْغُرُوبِ

Maksudnya: "Dan bertasbihlah kamu memuji Tuhanmu, sebelum terbit matahari dan sebelum terbenamnya matahari."

Allah s.w.t. juga berfirman :-

70

وَلَا تَطْرُدُ الظِّنَنَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَوَةِ وَالْعَشِيِّ بِرِيدُوتَ وَجْهَةً

Maksudnya: "Janganlah engkau halau orang yang berdoa kepada Tuhan, pada waktu pagi dan petang, di mana mereka itu mengharapkan keredhaan-Nya."

68 ibid.

69 Surah Qaf, ayat 39

70 Surah al-AnCām ayat 52

sebagai menunjukkan rasa tawadhu k kepada Allah s.w.t.. Juga dituntut dari orang yang berzikir, sentiasa membiasakan dirinya untuk berzikir atau ingat kepada Allah s.w.t..<sup>68</sup>

Jika ibadah doa memerlukan orang yang melakukannya memilih masa yang sesuai, demikian juga dengan ibadah zikir, yang memerlukan umat Islam menentukan masa yang sesuai untuk mengamalkannya. Dem hal ini, Allah s.w.t. telah berfirman :-

69

وَسَيِّدُنَا مُحَمَّدُ رَبِّنَا قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ الْغُرُوبِ

Maksudnya: "Dan bertasbihlah kamu memuji Tuhanmu, sebelum terbit matahari dan sebelum terbenamnya matahari."

Allah s.w.t. juga berfirman :-

70

وَلَا تَأْتِرُ إِلَيْنَا يَدِ عَوَنَ رَبِّهِمْ بِالْعَدَوَةِ وَالْعَشِيشِيِّ بِرِيدُوتَ وَجَهَةَ

Maksudnya: "Janganlah engkau halau orang yang berdoa kepada Tuhan, pada waktu pagi dan petang, di mana mereka itu mengharapkan keredhaan-Nya."

<sup>68</sup> ibid.

<sup>69</sup> Surah Qaf, ayat 39

<sup>70</sup> Surah al-An'am, ayat 52

## 5. Fadhilat Doa dan Zikir

Ramai orang menyangka bahawa berdoa dan berzikir itu hanyalah perbuatan orang-orang yang lemah, iaitu orang yang tidak tahu di manakan lagi tempat untuk mengadu tentang apa yang dicita-citakannya. Tetapi kajian penulis menunjukkan, kedua-dua perkara ini merupakan satu rangkaian ibadah yang mempunyai kaitan yang rapat dengan kesempurnaan iman dan Islam seseorang. Selain dari itu, kedua-duanya juga memberikan fadhilat yang banyak kepada mereka yang mengamalkannya.

Salah satu daripada fadhilat berdoa dan berzikir itu ialah ia yang menunjukkan ingatan yang sejati kepada Allah s.w.t. ; juga menunjukkan bahawa seseorang itu ingin mendekatkan diri kepada Allah s.w.t..<sup>71</sup>

Kedua-dua ibadah ini adalah ubat yang mujarab untuk mengubati kekacauan jiwa atau ketidak-tenteraman hati seseorang hamba Allah s.w.t.. Melaluiinya, hati akan menjadi tenang dan segala keserabutan akan dapat

---

<sup>71</sup> Muhammad Sayyid al-Tantawi, op.cit., hal.25

dihilangkan, serta mensucikan segala dosa yang pernah dilakukan.<sup>72</sup>

Selain dari itu, tanda pertama bahawa seseorang hamba itu cinta kepada Allah s.w.t. ialah ia akan sentiasa mengingati Allah s.w.t., kerana sudah menjadi sifat semula jadi manusia, apa yang disukai atau disayangi, maka itulah yang akan sentiasa berada di fikiran dan di dalam hatinya.<sup>73</sup>

Tanda kedua bahawa seseorang itu cintakan Allah s.w.t. ialah dia akan sentiasa bermunajat kepada Allah s.w.t. dan Allah s.w.t.

sahajalah tempat bergantung dan memohon sesuatu yang dihajati.<sup>74</sup>

Oleh itu, tidak dapat disangkal lagi bagaimana besarnya fadhilat yang diperolehi oleh orang yang selalu berdoa dan berzikir kepada Allah s.w.t... .

Untuk mendapat fadhilat berzikir, tidak terhad kepada berzikir dengan kalimah-kalimah Tasbih, Tahmid atau sebagainya sahaja ,

---

<sup>72</sup> ibid.

<sup>73</sup> Hussin Salamon, Apakah tanda cinta kepada Allah, Majalah Dakwah, Januari 1985, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia(YADIM), Kuala Lumpur, hal.28

<sup>74</sup> ibid.

bahkan segala bentuk perkataan, yang mengingati dan memuji Allah s.w.t., maka akan diberikan fadhilat yang berlipat ganda oleh Allah s.w.t..

75  
s.w.t..

Untuk lebih meyakinkan lagi, penulis akan memaparkan beberapa potongan ayat suci al-Quran, yang menyebutkan fadhilat berdoa dan berzikir ini. Antaranya ialah :-

76<sup>9</sup>

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَضَعُونَ

Maksudnya "...Dan sesungguhnya mengingati Allah itu adalah besar keutamaannya. Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Firman-Nya lagi :-

77

وَأَذْكُرْ رَبَّكَ إِذَا نَسِيْتَ وَقُلْ عَسَىٰ أَنْ يَهْدِيَنَّ رَبِّيْ لِأَقْرَبَ مِنْ هَذَا رَشَدًا

Maksudnya "...Dan ingatlah kepada Tuhanmu jika kamu lupa dan katakanlah: "Mudah-mudahan Tuhan akan memberiku petunjuk kepada yang lebih dekat kebenarannya."

---

75

Imam al-Nawawi, loc.cit., hal.5

76

Surah al-Ankabut, ayat 45

77

Surah al-Kahfi, ayat 24

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah s.w.t. menyuruh umat-Nya mengingati-Nya, apabila mengalami kelupaan ataupun kebutuan dalam sesuatu masalah. Oleh itu, ianya adalah satu kelebihan kepada orang yang mengingati Allah s.w.t., kerana dengan itu, Allah s.w.t. akan memberikan petunjuk kepada hamba yang sentiasa ingat dan menyerahkan diri kepada-Nya semata-mata. Firman Allah s.w.t. lagi :-

78-

وَالذَّاكِرُونَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّكِرَ كَرَبٌ أَعْدَ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: "...orang lelaki dan perempuan yang banyak berzikir (mengingati) Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar."

Ayat ini pula menjelaskan bahawa Allah s.w.t. menjanjikan pahala dan keampunan kepada hamba-Nya yang selalu mengingati dan berzikir kepada-Nya. Tidak dapat dinafikan lagi betapa besarnya hadhiyat yang diperolehi oleh mereka yang suka dan sentiasa berzikir kepada Allah s.w.t., kerana mereka akan diampunkan-Nya.

Dengan beberapa penjelasan yang dibuat, nyatakan bahawa sega-

la amalan ibadah yang dilakukan untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t., tidak akan dipersia-siakan oleh-Nya, kerana Tuhan sentiasa memberikan balasan yang setimpal dengan apa yang dijalankan oleh hamba-Nya yang berusaha untuk mendekatkan diri kepada-Nya.

Lanjutan dari itu, kedua-dua ibadah doa dan zikir, adalah dua bentuk ibadah, yang pada pandangan penulis, senang untuk diamalkan dan dipraktikkan, jika dibandingkan dengan ibadah yang lain. Oleh itu, wajar sekiranya umat Islam memberikan perhatian yang besar dalam melakukan kedua-dua ibadah ini, kerana ia juga menjanjikan pahala dan fadhilat yang berganda dari Allah s.w.t..

Semoga amalan yang dilakukan tidak sahaja dapat menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi, bahkan juga dapat mendekatkan diri dengan Tuhan Yang Maha Esa, dan diberikan hidayah oleh-Nya.

## 6. Kemakbulan Doa

Sebagaimana yang sedia dimaklumi, sesuatu permohonan yang dikirimkan oleh seorang hamba Allah, belum tentu sepuanya akan dimakbulkan-Nya. Selain daripada mengetahui dan menganalarkan adab-adab dan cara-cara yang betul untuk melakukan doa, seorang hamba juga perlu mengambil berat tentang kemakbulan doa. Seorang hamba Allah, sewajarnya mengetahui apakah syarat-syarat doa dimakbulkan oleh Allah s.w.t., supaya ia akan dapat dilakukan dengan lebih berhati-hati, khusuk dan tidak dijadikan adat kebiasaan semata-mata.

Dalam persoalan ini, terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w. yang menjelaskan tentang kemakbulan doa.

Antaranya ialah :-

79

أَوْلَانَسْتَغْفِرُوا رَبِّكُمْ تُؤْتُوا إِلَيْهِ مِنْتَهَى حَسَنَاتِكُمْ إِلَى أَجْلِ مُقْسَمٍ ...

Maksudnya: "Dan mohonkanlah keampunan kepada Tuhan kamu dan kembalilah kepada-Nya, nescaya Dia akan mengurniakan pemberian yang baik kepada kamu, hingga ke waktu yang ditentukan.....

Firman-Nya lagi :-

أَمَنْ يُحِبُّ الْمُضطَرُ إِذَا دَعَا وَيَكْسِفُ السُّوَءَ وَيَجْعَلُكُمْ  
خَلِفاءً لِلأَرْضِ أَئْلَهٌ مَعَ اللَّهِ قَلِيلًا مَا تَدْكُرُونَ  
80

Maksudnya: " Atau siapakah yang memperkenankan doa orang yang dalam kesulitan, apabila ia berdoa kepada-Nya, dan yang menghilangkan kesusahan, serta yang menjadikan kamu manusia sebagai khalifah di bumi ? Apakah di samping Allah, ada tuhan lain ? Terlalu sedikit kamu mengingatinya."

81

إِنَّ رَبَّكَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ إِنَّهُ كَانَ بِعِبَادِهِ خَيْرٌ أَبْصِرًا

Maksudnya: "Sesungguhnya Tuhanmu melapangkan rezeki kepada siapa yang Dia Kehendaki dan juga menyempitkannya. Sesungguhnya Dia Maha Mengertui dan Maha Melihat."

Antara hadith yang menyebutkan tentang hal ini pula ialah :-

82  
لَا يَرِيدُ فِي الْمُنْزَلِ إِلَّا الْبُرُّ. وَلَا يَرِيدُ الْقَدْرَ إِلَّا الدُّعَاءَ،

Maksudnya: "Tiada yang dapat menambahkan umur melainkan amal kebaikan dan tiada yang dapat mengubah qadar kecuali berdoa."

---

80 Surah al-Naml, ayat 62

81 Surah al-Isra', ayat 30

82 al-Qazwaini al-Hafiz Abu Abdullah Muhammad bin Yazid, Sunan Ibnu Majah - Juž 1, Dar al-Ihya', 1975, hal.35.

padanya lagi :-

ثَلَاثُ دُعَوَاتٍ مُسْتَجَابَاتٍ : دُعَوةُ الظَّلُومِ ،

83

وَدُعَوةُ السَّافِرِ ، وَدُعَوةُ الْوَالِدِ عَلَى وَلَدِهِ

Maksudnya: "Tiga doa yang mustajab yang tidak diragui padanya, iaitu doa orang yang dizalimi, doa orang yang musafir dan doa dua ibu bapa untuk anaknya."

Dari nas-nas yang tersebut, jelas menunjukkan bahawa Allah

s.w.t. Amat Pemurah dan senang sekali memakbulkan permohonan hamba-

nya. Oleh itu, wajar bagi setiap muslim untuk selalu berdoa kepada

Allah s.w.t., samada ketika senang atau pada masa susah. Seseorang

hamba tidak seharusnya merasakan terlalu lambat datangnya pengabulan

doa itu, ataupun berputus-asa, kerana dalam hal ini, mungkin ada

rahsianya atau ada hikmahnya yang akal manusia tidak memahaminya.

Oleh sebab itu, adalah baik untuk meneruskan doa dan menyerahkan ke-

pada Allah s.w.t. untuk mengabulkannya.

Dalam hal ini, terdapat sebuah hadith yang menerangkan tentang

bagaimana atau bilakah sesuatu doa itu dimakbulkan oleh Allah s.w.t.

83

Abi Isa Muhammad bin Isa bin Surah al-Tirmidhi, Sunan al-  
Tirmidhi - Juz 5 al-Maktabah al-Salafiah, Madinah, 1967, hal. 164.

Hadith yang dimaksudkan ialah :-

مَنْ رَجُلٌ يَدْعُو اللَّهَ بِدُعَاءٍ إِلَّا أَسْتَجِبْ لَهُ فَإِمَّا أَنْ يُمْكَنَ لَهُ فِي الدُّنْيَا  
وَإِمَّا أَنْ يُدْخَلَ لَهُ فِي الْآخِرَةِ، وَإِمَّا أَنْ يُكَفَّرَ عَنْهُ مِنْ ذُنُوبِهِ بِقَدْرِ مَا دَعَاهُ  
مَا كَانَ بَدْعَ يَأْتِمُ أَوْ قَطِيعَةً رَحْمَمْ أَوْ يَسْتَأْمِنْ. قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ  
دَعَوْتُ رَبِّي فَمَا اسْتَجَابَ لِي 84

Maksudnya:" Tiada seorang lelaki yang berdoa kepada Allah, melainkan dikabulkan baginya, samada disegerakan di dunia ini ataupun ditangguhkan hingga hari akhirat, atau diampunkan dosanya sebagaimana yang dipirta melalui doanya. Selama mana dia tidak membiarkan dosanya, atau memutuskan silaturrahim ataupun menekan supaya disegerakan pengabulannya. Mereka bertanya, bagaimakah penekanan itu? Rasulullah s.a.w. menjawab,"Dia berkata, "Aku telah berdoa kepada Tuhanmu, tetapi Dia tidak mengabulkannya.\*\*\*"

Daripada hadith di atas, jelas kepada kita, bahawa Allah s.w.t.

sentiasa mengabulkan permintaan hamba-Nya,cuma apa yang tidak dapat dipastikan ialah masa ianya dikabulkan. Oleh sebab itu, seorang hambe Allah tidak seharusnya berputus-asa untuk terus memohon doa kepada Allah s.w.t.; serta bersabar pula menanti tibanya masa doa itu dikabulkan-Nya.

<sup>84</sup> ibid., hal.240.

Pengabulan doa itu juga banyak bergantung kepada ciri-ciri yang ada pada diri orang yang melakukannya, seperti memelihara diri, termasuklah pakaian, makanan dan minuman, daripada termasuk dalam perkara-perkara yang diharamkan. Perkara yang utama juga ialah sifat-sifat dirinya serta niat yang benar-benar ikhlas dan suci. Rasulullah s.a.w. telah menyebutkan tentang seorang lelaki yang belayar jauh, rambutnya kusut, berdebu, mengangkat tangannya ke arah langit berimohon : 'Ya Tuhanaku, Ya Tuhanaku', sedangkan makanannya dari jenis yang haram begitu juga minumannya serta pakaiannya, manakala perutnya pun telah dipenuhi dengan makanan yang haram. Bagaimanakah doanya boleh dikabulkan, jika begitu keadaannya.<sup>85</sup>

Dari hadith di atas, dapat dilihat dengan jelas betapa ibadah dan doa bukanlah suatu ibadah yang boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya sahaja, tetapi memerlukan perhatian yang teliti dari seseorang hamba yang melakukannya, untuk membantu memudahkan pengabulan doa yang dipohonkan.

<sup>85</sup> Imam Habib Abdullah Haddad, Nasihat Agama dan Wasiat Iman, Pustaka Nasional, Singapura, Cetakan Keempat, 1987, hal. 242.

Sealin dari itu, Rasulullah juga telah berpesan kepada umatnya agar mengemukakan sebarang doa atau permohonan mereka, dengan hati yang ikhlas dan juga keyakinan yang padu. Rasulullah s.a.w. telah melarang umat Islam daripada berdoa tanpa keyakinan panuh, seperti yang didapati dalam hadith :-

86

*(إِذَا دَعَا أَحَدُكُمْ فَلْيَبْرِمْ<sup>(١)</sup> فِي الدُّعَاءِ وَلَا يَقُلْ : إِنْ شَاءَ اللَّهُ لَا مُسْتَكِرٌ لَهُ)*

Maksudnya: "Apabila salah seorang dari kamu berdoa, maka hendaklah kamu berazam dengan bersungguh-sungguh padanya. Dan janganlah kamu berkata, "Ya Allah, Jika engkau kehendaki, maka berikanlah padaku". Sungguhnya Allah tidak boleh dipaksa."

Oleh hal yang demikian, seseorang hamba yang mahukan doanya dikabulkan, hendaklah mempastikan bahawa dia menggunakan cara-cara yang sepatutnya dan memastikan dirinya adalah hamba yang layak dikabulkan doanya oleh All h s.w.t..

Selain dari itu, al'ama Islam adalah agama yang mendidik umatnya agar tidak menjadi umat yang semata-mata bergantung harapan ke-

86 Abu al-Hussain Muslim Ibn al-Hajjāj al-Qusyairī al-Naisābūrī,  
Sahih Muslim -Muqādimah, Mustafā al-Babī, Mesir, 1955, hal. 2063.

pada pertolongan Allah s.w.t. semata-mata. Islam juga menganjurkan agar umatnya berusaha dengan gigih dalam usaha memperolehi apa yang dicita-citakannya. Allah s.w.t. telah berfirman :-

يَتَأْلِمُ الظَّبَابُ إِنَّ اللَّهَ وَلَا يُطِيعُ الْكَافِرِينَ وَالْمُنَافِقِينَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْمًا حَكِيمًا.  
وَأَشْعَرَ مَا يُؤْخِذُ إِنَّكَ مِنْ رَبِّكَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرًا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ وَكِيلًا

87

Maksudnya: "Wahai Nabi, bertaqwalah kepada Allah, dan janganlah kamu menuruti keinginan orang kafir dan orang munafik. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Bijaksana; dan ikutilah apa yang diwahyukan Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah Mengetahui apa yang kamu kerjakan, dan bertawakkallah kepada Allah. Dan cukuplah Allah sebagai Pemelihara."

Ayat ini menyarankan umat Islam supaya bertawakkal kepada Allah s.w.t., setelah melakukan segala usaha yang perlu dilakukan, termasuk juga ibadah doa. Doa juga merupakan salah satu usaha yang dibuat untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t., serta memohon sesatu keinginan dari padanya.

Di samping itu, pembetulan niat juga adalah antara syarat

---

87 Surah al-Ahzab, ayat 1,2 dan 3.

pengabulan doa. Apa yang kerap terjadi sekarang, seseorang hamba itu tidak memandang berat masalah niat, lebih-lebih lagi dalam ibadah doa. Adalah tidak wajar jika ibadah doa dilakukan hanyalah menjadi satu ikutan semata-mata; atau dengan niat untuk menunjuk-nunjuk. Ada juga yang menjadikan ibadah ini sebagai satu adat dalam kehidupan mereka, tanpa mempunyai alasan-alasan lain, yang lebih konkret untuk membantu pengabulan doa yang dikemukakan.

Kesimpulannya, ibadah doa juga perlu kepada faktor-faktor dalaman dan luaran, kerana ibadah doa itu sendiri adalah suatu permintaan kepada satu pihak yang Maha Tinggi, iaitu Allah s.w.t.. Oleh itu, pengabulan doa bergantung kepada faktor-faktor rohani dan jasmani seseorang hamba yang melakukannya.